

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 JANUARY 2017

Lempar tuduhan tidak berasas terhadap ulama

Mufti kesal sikap Dr. Mahathir

um - 9/1/2017

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS,**
MOHAMAD SHOFI MAT ISA dan
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
perngarang@utusan.com.my

■ **KUANTAN 8 JAN.**

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak sepatutnya memburuk-burukkan golongan ulama termasuk mufti dengan melemparkan tuduhan tidak berasas terhadap mereka.

Mufti Pahang, **Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman** menegaskan, beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan politik apabila menyampaikan pandangan secara umum yang dibuat berdasarkan fakta untuk diketahui rakyat.

Beliau berkata, mufti adalah golongan ulama yang merupakan pewaris nabi dan apa yang disampaikan adalah disebut oleh Rasulullah SAW.

“Apa yang saya sampaikan sebelum ini adalah untuk pengetahuan masyarakat umum dan tidak menyerang peribadi sesiapa termasuk Dr. Mahathir. Saya hanya sampaikan apa yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

“Saya tidak kisah jika sesiapa pun termasuk Dr. Mahathir hendak menyerang peribadi saya, tetapi janganlah menyentuh agama kerana memburuk-burukkan ulama, seolah-olah memburuk-




**ABDUL RAHMAN
OSMAN**



HARUSSANI ZAKARIA



**MOHAMAD SHUKRI
MOHAMAD**



burukkan agama,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Ber-

satu Malaysia (PPBM) menegaskan, beliau enggan memohon maaf berhubung kenyataannya yang menyifatkan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan (Malaysia Development Berhad (IMDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Beliau juga menolak pandangan pelbagai pihak termasuk Abdul Rahman serta mufti-mufti lain yang tidak bersetuju dengan pandangan yang disuarakannya ketika berceramah di Taman Wira Mergong, Alor Setar, Kedah bulan lalu.

Malah, Dr. Mahathir menuduh pihak yang menyangkal dakwaan itu kononnya telah dibayar untuk bercakap demikian manakala mufti menafikannya kerana mereka di pihak kerajaan. Sementara itu, di **IPOH**, Mufti



Apa yang saya sampaikan sebelum ini adalah untuk pengetahuan masyarakat umum dan tidak menyerang peribadi sesiapa termasuk Dr. Mahathir. Saya hanya sampaikan apa yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW.”

**ABDUL RAHMAN
Mufti Pahang**

Perak, **Tan Sri Harussani Zakaria** kesal dan enggan membuang masa melayan tuduhan Dr. Mahathir, sebaliknya menegaskan terpujang kepada bekas Perdana Menteri itu dengan pandangannya.

“Kalau beliau tidak mahu minta maaf dan berpegang kepada pendiriannya, itu terpujanglah kepada beliau. Saya tak mahu campur lagi dalam isu ini,” katanya.

Dalam pada itu, di **KOTA BHARU**, Mufti Kelantan, **Datuk Mohamad Shukri Mohamad** kecewa dengan tuduhan Dr. Mahathir itu dan menyerahkan kepada rakyat untuk menilainya.

“Kalau sampai peringkat tuduh kena bayar, tak perlu komen apa-apalah,” katanya.